


SEBUT HARGA DALAM TALIAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA *BACKHOE LOADER* *AIR-CONDITIONED CABIN* ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KUB.400-5/6/762
TARIKH BUKA	09 SEPTEMBER 2026
TARIKH TUTUP	22 SEPTEMBER 2026
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my**

ISI KANDUNGAN

PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA *BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN* ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS1 – SS5
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENIFISIAL – LAMPIRAN 12	BP 1
D	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA – LAMPIRAN 13	SAS 1
E	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP1 – AKP16
F	BORANG SEBUT HARGA	BS1
G	<i>PREAMBLES</i>	P1 – P2
H	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS1
J	SENARAI KUANTITI	SK1 – SK2
K	PENENTUAN BEKALAN	PP1 – PP7
L	SPESIFIKASI TEKNIKAL	ST1 – ST4
M	SOAL SELIDIK (AM)	SSA 1 – SSA 4
N	MAKLUMAT PETENDER	MP1 – MP12



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

Petender hendaklah mengambil maklum bahawa Penilaian ~~Tender~~ / Sebut Harga ini akan mengambilkira keupayaan Petender untuk melaksanakan projek yang ditender. Keupayaan Petender akan di nilai berasaskan kedudukan kewangan, pengalaman, kakitangan, keempunyaan loji dan peralatan dan prestasi keseluruhan. Untuk membolehkan penilaian ini dibuat, Petender dikehendaki melengkapkan dan mengemukakan salinan dokumen-dokumen sepertimana di dalam senarai semak bersama-sama ~~tender~~nya / sebut harganya sebagai bukti kesahihan kenyataan yang diberikan.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen ~~Tender~~ / Sebut Harga kami semasa mengemukakan ~~Tender~~ / Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa penilaian ~~Tender~~ / Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian ~~Tender~~ / Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu ~~Tender~~ / Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ~~Lembaga Tender~~ / Sebut Harga di setujuterima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum ~~Tender~~ / Sebut Harga ditutup. Maklumat dan Dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan di dalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **~~Tender~~ /Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
2	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
3	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
4	Salinan Borang D atau Borang E bagi kontraktor/pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 atau: Salinan Borang Teras (<i>Super Form</i>) bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. (Wajib)	☐	☐
5	Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial (BO) (Lampiran 12) berdasarkan Akta Syarikat (Pindaan) 2024 (Akta A 1701) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah siap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐
6	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Perdagangan Orang dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dengan ditandatangani (Wajib)	☐	☐
7	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun kalendar semasa dan berstatus 'PATUH' - sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil 1. Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di lampiran kepada Arahan Kepada Petender. (Wajib)	☐	☐
8	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat atau Sijil Akuan pendaftaran Syarikat Bumiputra dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). (Wajib)	☐	☐
9	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. (Wajib)	☐	☐

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
10	Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/ keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti: a) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan b) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan c) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) yang telah DISAHKAN dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat. d) Salinan sijil-sijil kursus/seminar/latihan berkaitan	☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐
11	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ _____ ii) _____ _____ _____	☐ ☐	☐ ☐

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
	PENGESAHAN OLEH SYARIKAT Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar. Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :	UNTUK KEGUNAAN JABATAN Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(Jika ada) Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :	



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN 6)

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MBSJ.KUB.400-5/6/762

Saya, (Nama Wakil Syarikat)

No. Kad Pengenalan yang mewakili

..... (Nama Syarikat)

nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini

mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan

- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (LAMPIRAN 12)

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MBSJ.KUB.400-5/6/762

- ☐ Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah menyerahkan simpan maklumat pemunyaan benefisial di SSM
- ☐ Berdaftar dengan SSM dan tidak menyerahkan simpan maklumat pemunya benefisial di SSM (Syarikat enterprise)(perlu menghantar borang tanpa diisi)
- ☐ Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)
- Tandakan ☐

Nama Syarikat:

Butiran Pemunya Benefisial:

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Jawatan dalam syarikat (sekiranya ada)	Kewarganegaraan

Sayanombor kad pengenalan/ no. pasport yang mewakili syarikat/perniagaan nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengesahkan bahawa senarai pemunya benefisial syarikat seperti mana pemberitahuan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berdasarkan Akta Syarikat 2016 [Akta 777] dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Yang Benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

***Potong yang mana tidak berkenaan**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

**SURAT AKUAN SYARIKAT
DALAM MENANGANI
PEMERDAGANGAN ORANG DAN
BURUH PAKSA
(LAMPIRAN 13)**

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA *BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN* ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MBSJ.KUB.400-5/6/762

Saya, (Nama Wakil Syarikat)
..... No. Kad Pengenalan yang mewakili
..... (Nama Syarikat)
..... nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-
mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi;
dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No. KP :
Tarikh :
Cap Syarikat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

ARAHAN KEPADA PETENDER



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : **PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA *BACKHOE* LOADER AIR-CONDITIONED CABIN ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

Datuk Bandar,
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan senarai kuantiti serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan tawaran harga sebanyak : (Ringgit Malaysia :)

RM bagi tempoh **perkhidmatan (ditetapkan) selama tiga (3) Bulan.**

Saya/Kami bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh Sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau perjanjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak ini sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Saya/Kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh empat belas (14) hari sekiranya sebut harga ini diterima dan bersetuju dengan apa-apa syarat sebut harga yang ditetapkan secara bertulis serta bersetuju menyerahkan Bon Pelaksanaan dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk samada :

- a) Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia Berhad(BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/Takaful

Petender akan menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk Jadual Fi Bayaran di Perkara 21.0 dalam Arahan Kepada Petender.

Bertarikh pada haribulan 2026.

.....
Tandatangan Petender

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

Alamat :

.....

.....

No. Telefon :

No. Telefon : :

Atas sifat :

.....
(Meterai atau Cap Petender)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PREAMBLES

PREAMBLES

PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA *BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN* ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MBSJ.KUB.400-5/6/762

BIL	HURAIAN
	NOTA MAKLUMAN DAN PEMATUHAN A Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama-sama dengan kadar harga yang dinyatakan didalamnya. B Kontraktor dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan bekalan ini. ia bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua bekalan yang dinyatakan mengikut spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan di dalam senarai kuantiti. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada pegawai penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak. Dengan menandatangani dokumen ini, pihak kontraktor telah mengesahkan bahawa pihaknya telahpun membaca dan memahami segala isi kandungan dokumen ini. C Bayaran akan dibuat berdasarkan senarai kuantiti sebenar di tapak setelah selesai pembekalan. Kuantiti akhir akan dipersetujui bersama kontraktor atau wakilnya dengan pegawai penguasa atau wakilnya. D Pihak kontraktor dinasihatkan agar membuat laporan polis sekiranya terdapat mana-mana pihak/kumpulan/individu yang cuba/telah memeras ugut/bertindak ganas/mengganggu kakitangan/individu serta aset yang dibawah kawalselia pihak kontraktor. Ini adalah bagi melindungi keselamatan/kepentingan nyawa dan harta milik kontraktor di tapak. Pihak majlis tidak akan campur tangan secara langsung atau tidak langsung dalam menangani permasalahan ini. E Setiap pekerja kontraktor atau mana-mana individu berkait dengan kontraktor adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan, but keselamatan, dan lain-lain peralatan keselamatan yang perlu selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian, laporan kepada pihak berkuasa yang berhak untuk mengikut Akta Keselamatan Pekerja bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu

BIL	HURAIAN
F	BAYARAN FI PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN Petender yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian secepat mungkin selepas semua terma dan syarat-syarat dalam perjanjian tersebut dipersetujui kedua-dua pihak dari tarikh keluarnya surat setuju terima. Petender juga akan menanggung kos penyediaan Dokumen Perjanjian yang ditetapkan oleh pihak Majlis. Sekiranya petender gagal untuk menandatangani perjanjian dalam tempoh tersebut, ia boleh menjejaskan proses tuntutan bayaran. Jumlah bayaran hendaklah merujuk kepada rujukan 21.0 dalam Arahan Kepada Pentender.
G H J	PENYEDIAAN PERLINDUNGAN TAKAFUL/INSURAN Petender yang dilantik hendaklah menyediakan dan mengemukakan Perlindungan ** Takaful/Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan bekalan ini (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender) sekiranya berkaitan. **Walau bagaimanapun, petender adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insurans. Petender hendaklah menyediakan Bon Perlaksanaan (Performance Bond) dalam bentuk Bank/ Islamic Bank/BPIMB/Insurans/Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM 200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).
K L M N	CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) BERDASARKAN AKTA CUKAI JUALAN 2018 [AKTA 806] DAN AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 [AKTA 807]. K Semua tawaran harga secara Tender / Sebut Harga yang dikemukakan oleh Petender hendaklah tanpa kenaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan Malaysia (CJCP). L Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran CJCP kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj CJCP kepada pihak Majlis. M Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan Malaysia (CJCP). N Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta CJCP, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar SST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta SST 2018). Pelarasan harga kenaan SST tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P)



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

RINGKASAN SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

RINGKASAN SEBUT HARGA

TAJUK SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA *BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN* ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

NO. SEBUT HARGA :MBSJ.KUB.400-5/6/762

BIL	HURAIAN KERJA	JUMLAH (RM)
1.0	JUMLAH DARI M/S SK 1/2	
2.0	JUMLAH DARI M/S SK 2/2	
	JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)	

RINGGIT MALAYSIA :

TEMPOH BEKALAN (DITETAPKAN) : TIGA (3) BULAN

.....
 Tandatangan Petender

.....
 Tandatangan Saksi

Nama :
 No. Kad
 Pengenalan :
 Alamat :

Nama :
 No. Kad
 Pengenalan :
 Alamat :

Cop & Alamat
 Syarikat :

No. Telefon :
 Tarikh :

No. Telefon :
 Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

SENARAI KUANTITI

SENARAI KUANTITI

PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA *BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN* ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/762

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
A	<u>Am</u> <i>General work such as providing transportation by the contractor to deliver to the site machines / machinery / plants and other related works to Majlis Bandaraya Subang Jaya.</i>	BORONG	-	-	
B	<u>Jadual Perancangan Pembekalan</u> Mengemukakan Jadual Perancangan Kerja dan menyediakan dua (2) salinan Laporan Kemajuan Kerja (sebelum, semasa dan selepas) beserta gambar berwarna (bertarikh).	BORONG	-	-	
C	<u>Latihan</u> Latihan penuh (Pengendalian & Penyelenggaraan) secara formal dan profesional luar/ dalam bilik darjah yang lengkap dan dengan tempoh masa yang mencukupi dan oleh kakitangan yang berkelayakan (maksimum 10 orang pengendali atau pengguna, penyelia, mekanik dan anggota berkaitan)	BORONG	-	-	
D	<u>Lukisan Teknikal</u> Menyediakan dan mengemukakan Lukisan Teknikal berkaitan sistem Mesin yang berkaitan seperti: i. Lukisan Teknikal (sebelum bekalan) ii. As Built Drawing (semasa/selepas bekalan) iii. Control Panel Diagram	BORONG	-	-	
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)				

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1.0	Backhoe Loader Air-Conditioned Cabin Membekal satu (1) unit Backhoe Loader Air-Conditioned Cabin atau yang setaraf dengannya beserta aksesori yang memenuhi syarat dalam Skop Kerja, Spesifikasi Teknikal, Spesifikasi Umum dan lain-lain keperluan yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut harga seperti berikut: ▪ Menyediakan kabin pengendali diiktiraf dengan struktur pelindung terbalik: ✓ <i>ROPS (Roll-Over Protective Structure)</i> ✓ <i>FOPS (Falling Object Protective Structure)</i> ▪ Jentera mestilah mempunyai kebolehan kawalan kestabilan 360 darjah ▪ Jentera yang dilengkapi Panel Amaran & Pemantauan Pintar serta lampu Amaran Penapisan & Brek Tangan ▪ Jentera yang dilengkapi sistem Keselamatan Operasi & Stabilizer (Extendahoe) ▪ Mematuhi sistem pematuhan piawaian keselamatan antarabangsa (seperti pematuhan EN 15000) ▪ Termasuk: Kit alatan asas, manual operasi, latihan pengendalian untuk operator, dan jaminan (warranty) minimum 12 bulan Tempoh pembekalan: Tiga (3) bulan	NOS	1		
	JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)				



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

PENENTUAN BEKALAN

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

PENENTUAN BEKALAN

TAJUK : PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA *BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN* ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

NO. SEBUTHARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/762

1.0 DEFINISI

- 1.1 Jentera yang dimaksudkan adalah *Backhoe Loader Air-Conditioned Cabin* dengan komponen lengan yang boleh dipanjangkan (extendahoe) dan lain-lain komponen utama seperti yang dinyatakan di dalam spesifikasi teknikal.
- 1.2 Majlis / MBSJ – Majlis Bandaraya Subang Jaya
- 1.3 Pegawai Penguasa – Datuk Bandar Majlis atau mana-mana orang yang telah diwakilkan atau dibenarkan dari semasa ke semasa untuk menjalankan mana-mana atau semua kewajipan Pegawai Penguasa.

2.0 PEMATUHAN DAN KEPERLUAN

- 2.1 Jentera yang ditawarkan mestilah jentera yang baharu, dalam keadaan baik dan memenuhi keperluan di Skop Kerja dan Spesifikasi dalam semua aspek atau lebih baik daripada yang diterangkan. **Sebarang tawaran yang tidak mematuhi spesifikasi, terma, syarat dan keperluan akan ditolak.**
- 2.2 Petender hendaklah mengemukakan penerangan menyeluruh dan lengkap mengenai jentera yang ditawarkan berkenaan dengan reka bentuk, pembinaan, bahan buatan, kaedah operasi dan ciri-ciri yang berkaitan.
- 2.3 Petender juga harus menjawab semua soalan yang disenaraikan dalam Jadual Data Teknikal yang dilampirkan, jika tidak, sebut harga yang dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.
- 2.4 **Lukisan teknikal, risalah, katalog** sama ada untuk kelengkapan atau komponen utama mesti dikemukakan, jika tidak, sebut harga yang dikemukakan akan ditolak.

3.0 WARANTI DAN SERVIS

3.1 Servis Selepas Jualan

Petender juga harus menjawab semua soalan yang disenaraikan dalam Soal Selidik (Am) yang dilampirkan. Kegagalan petender untuk mengikuti arahan sedemikian boleh menyebabkan penyertaan di dalam sebut harga ini TIDAK DIPERTIMBANGKAN

3.2 Tempoh jaminan untuk jentera yang ditawarkan terhadap bahan-bahan yang rosak, mutu kerja yang lemah, prestasi tidak mencukupi dan kerosakan hendaklah dalam tempoh **365 hari kalendar kebolegunaan jentera**.

Ia mesti dikira dari tarikh jentera **diterima sepenuhnya** (contoh: waktu kerosakan jentera di bawah pembaikan jaminan tidak akan dianggap masa kalendar yang boleh digunakan jika melebihi 5%)

4.0 PEMERIKSAAN PRA-PENGHANTARAN DI KILANG PETENDER

4.1 Petender yang berjaya mestilah mengatur sesi pemeriksaan pra-penghantaran, ujian dan penerimaan serta latihan teknikal berhubung dengan reka bentuk, fabrikasi, penyelenggaraan dan pengendalian jentera bagi pegawai penyelarasan dan wakil-wakil MBSJ yang terpilih di kilang pembinaan atau kilang pemasangan.

4.2 Petender yang berjaya akan membuat semua pengaturan yang diperlukan untuk tujuan yang disebutkan di atas dan **kos untuk membuat pengaturan dan latihan** telah termasuk dalam harga tawaran.

5.0 LATIHAN

Petender yang berjaya hendaklah menyediakan Latihan komprehensif **sebelum atau sebaik sahaja** jentera telah dihantar dan diterima oleh MBSJ seperti berikut:

5.1 Latihan pengendali atau pengguna mengenai cara pengendalian dan kerja jentera yang betul, pemeriksaan harian dan pemeriksaan sebelum dan selepas jentera telah dimulakan, cara pengendalian yang betul, penjagaan beroperasi, gris berkala dan keperluan servis yang lain.

5.2 Latihan penyelenggaraan hendaklah disediakan untuk pengendali atau pengguna, penyelia, mekanik dan anggota berkaitan dengan penyelenggaraan sistem operasi, sistem hidraulik dan elektrik dan lain-lain sistem pada jentera yang dibekalkan.

5.3 Dua (2) jenis latihan yang disebutkan di atas hendaklah **disediakan** dan hendaklah dijalankan secara formal dan profesional dalam bilik darjah yang lengkap dan dengan tempoh masa yang mencukupi dan oleh kakitangan yang berkelayakan.

6.0 MANUAL, KATALOG, ALAT GANTI DAN PERALATAN

Petender yang berjaya hendaklah menyediakan perkara-perkara berikut:

- 6.1 **Satu (1) salinan** Manual Pengendalian.
- 6.2 **Satu (1) salinan** Manual Servis Penyelenggaraan.
- 6.3 **Satu (1) salinan** Katalog Alat Ganti.
- 6.4 **Senarai alat ganti yang ringkas dan asas** yang disarankan untuk operasi awal bagi tempoh dua (2) tahun. (alat ganti perlu disyorkan sebagai item pilihan).
- 6.5 **Senarai peralatan khas** yang disyorkan dan diperlukan untuk penyelenggaraan jentera. (alat khas perlu disyorkan sebagai item pilihan)
- 6.6 **Satu (1) salinan** *Technical Drawing* (sebelum membekal).
- 6.7 **Satu (1) salinan** *As Built Drawing* lengkap dengan Control Panel Diagram dan lain-lain yang berkaitan (selepas membekal).

7.0 HARGA

- 7.1 Harga yang dicadangkan adalah harga bersih (Net selling price) dalam **Ringgit Malaysia** untuk jentera lengkap **termasuk** aksesori, alat *standard* dan juga termasuk semua pengendalian, insurans (Insurans Tanggungan Semasa Penghantaran / Pengangkutan), pengangkutan, caj pengangkutan dan yuran pendaftaran (JPJ) dan lain-lain tetapi **tidak termasuk** duti import, cukai jualan dan insurans motor kenderaan.
- 7.2 Untuk jentera C.B.U., yang hendak diimport, **semua caj insurans dan pengangkutan (CIF)** perlu ditanggung oleh petender. Petender hendaklah menggunakan mana-mana pengendali pengangkutan multimodal (**MTO**) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
- 7.3 Bagi jentera yang **diimport sepenuhnya**, semua urusan berkaitan kelulusan mengimport jentera masing-masing dari Kementerian Perdagangan dan Industri (**MITI**) di bawah tanggungjawab petender.
- 7.4 Petender **juga perlu mengambil kira kos pelepasan kastam dan lain-lain tindakan**, pengangkutan, penyimpanan, penalti (jika ada), dokumentasi dan pengaturan dan pembersihan kenderaan dari Pelabuhan Port Klang dan untuk mengangkutnya ke gudang petender atau bengkel yang berjaya sebelum penghantaran ke MBSJ.
- 7.5 Sebarang kos lain yang tidak dinyatakan di atas akan dianggap termasuk dalam sebut harga. Tiada tuntutan berikutnya untuk bayaran tambahan atau variasi sebut harga akan dibenarkan.

- 7.6 Semua duti import, surtax, cukai jualan dan duti eksais dan sebagainya yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia hendaklah dinyatakan dengan jelas dan berasingan.

8.0 TEMPOH DAN LOKASI PENGHANTARAN

- 8.1 Tempoh penghantaran yang diperlukan dari tarikh pemberitahuan penerimaan sebut harga mestilah dinyatakan dengan jelas.
- 8.2 Tempoh penghantaran hendaklah termasuk masa yang diperlukan untuk kenderaan itu didaftarkan atau diluluskan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Kerajaan yang berkaitan dan pemeriksaan pra-penghantaran tempatan supaya kenderaan itu sedia untuk digunakan untuk operasi.
- 8.3 Kos penghantaran jentera adalah di bawah tanggungjawab pihak petender.
- 8.4 Tempoh penghantaran yang dinyatakan dalam sebut harga yang dikemukakan dianggap teguh. Kegagalan untuk membuat penghantaran dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan petender berjaya untuk menanggung 'Liquidated Damages'
- 8.5 Jentera perlu dihantar ke **Bengkel Kenderaan, Jabatan Khidmat Pengurusan MBSJ, Jalan TP 2, Taman Perindustrian Sime UEP, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan** atau di mana-mana lokasi khusus lain seperti yang diarahkan oleh pegawai penguasa. Penghantaran hanya boleh dibuat semasa waktu pejabat.

9.0 KADAR DENDA BAGI BEKALAN / PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT TEMPOH

- 9.1 Pihak petender diberi tempoh selama **tiga (3) bulan** bagi perkhidmatan satu (1) unit jentera *Backhoe Loader Air-Conditioned Cabin* sebanyak **satu (1) unit** termasuk aksesori berkaitan untuk MBSJ. Sekiranya **GAGAL** berbuat demikian, Pegawai Penguasa akan mengeluarkan surat amaran dan kenaikan denda terhadap kelewatan tersebut akan dilaksanakan.
- 9.2 Kenaan Kadar Denda terhadap kelewatan tersebut adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 4.2 Perkara 9.10.3 (a) dan (b)) seperti berikut:

KONTRAK	JENIS DENDA
Bekalan / Perkhidmatan	1) Jika syarikat lewat menyerahkan kenderaan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima kenderaan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut : $\frac{V (T + D)}{T} \times 5\%$ Rujukan formula: V : Nilai harga peralatan yang lewat dibekalkan; T : Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; D : Bilangan hari yang lewat .
KONTRAK	JENIS DENDA
Bekalan / Perkhidmatan	2) Setelah penerimaan kenderaan sempurna dan didapati jentera rendah kualiti daripada spesifikasi, Majlis boleh meminta syarikat menggantikan peralatan jentera tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis. - Majlis akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan tersebut. 3) Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan / perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Majlis. - (BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bil. hari lewat).
KONTRAK	JENIS DENDA
Bekalan / Perkhidmatan	KADAR DENDA LEWAT BEKAL UNTUK PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN 1. Kadar denda yang akan dikenakan untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah sebanyak RM 200.00 sehari sehingga bekalan/ perkhidmatan disempurnakan sepenuhnya. 2. Denda yang dikenakan akan ditolak terus daripada nilai bayaran yang akan diterima oleh pembekal.

10.0 TANGGUNGJAWAB PETENDER

Petender perlu mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memenuhi keperluan berikut:

10.1 TEMPOH BEKALAN

- a) Tempoh bekalan adalah selama **tiga (3) bulan**.
- b) Walau bagaimanapun, Pegawai Penguasa berhak untuk menamatkan perkhidmatan ini lebih awal dari tempoh yang sepatutnya sekiranya prestasi petender tidak mencapai pada tahap yang memuaskan.

10.2 MASA PERKHIDMATAN

- a) Masa pengambilan dan penghantaran kenderaan adalah pada **setiap hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) antara jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang**.

10.3 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN

- a) Tiada jentera akan diterima semasa penghantaran jika jentera itu tidak didaftarkan dan / atau diluluskan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Kerajaan yang berkaitan (seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan lain-lain agensi yang berkaitan)
- b) Pendaftaran jentera hanya dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Puspakom.
- c) Pemeriksaan dan Pengujian Kenderaan/ Mesin Baharu (Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kerja Raya)
- d) Jentera mestilah menjalani pemeriksaan pra-penghantaran yang betul dengan semua kesalahan, jika ada, hendaklah sepenuhnya diperbetulkan. Tiada kerja pemeriksaan pra-penghantaran akan dibenarkan untuk dilaksanakan di dalam kawasan Bengkel Kenderaan, Jabatan Khidmat Pengurusan MBSJ.
- e) Jentera yang dihantar hanya akan diterima selepas lulus ujian prestasi sebenar untuk tempoh tidak kurang daripada **satu (1) minggu** mengenai kecukupan prestasi yang memuaskan.
- f) Bayaran hanya akan dibuat selepas jentera yang dihantar telah menjalani ujian prestasi yang memuaskan dan selepas semua kecacatan, jika ada, telah diperbetulkan dan diuji semula dan semua latihan yang diperlukan untuk pemandu dan pengendali, penyelia, anggota kerja MBSJ berkaitan dan mekanik telah dilaksanakan dengan sempurna.
- g) Berikut adalah senarai dokumen yang perlu dihantar bersekali bersama penghantaran jentera:

BIL.	KETERANGAN	CATATAN
1.	Nota Serahan (D.O)	Wajib
2.	Sijil Pemilikan Jentera (Geran) yang asal dan satu salinan (Salinan perlu digabung bersama Cukai Jalan)	Wajib
3.	Laporan Pemeriksaan Khas oleh Puspakom (Laporan B2, Pin2/2019)	Jika berkaitan
4.	Laporan Pemeriksaan Khas oleh Puspakom (Laporan PG11 A/Pin 1/2003)	Jika berkaitan
5.	Laporan Operasi Timbang Kenderaan (Awal) oleh Puspakom	Jika berkaitan
6.	Surat mengesahkan penjualan jentera oleh pengilang	Wajib
7.	Surat Kelulusan/ Sijil Enjin Teknologi Hijau oleh badan persijilan seperti Sirim	Jika berkaitan
8.	Sijil Timbang Berat yang dikeluarkan oleh JPJ	Jika berkaitan
9.	Lukisan Binaan yang telah diluluskan oleh JPJ dan ditandatangani oleh Jurutera Profesional	Wajib
10.	Laporan “Calibration Table of Tank Capacity” yang disahkan oleh badan bertauliah	Jika berkaitan

11.0 PEMATUHAN DENGAN PERATURAN, AKTA DAN UNDANG-UNDANG

Jentera yang ditawarkan mestilah mematuhi semua piawaian, peraturan, akta dan undang-undang sedia ada sebagaimana yang diwartakan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan yang berkaitan di Malaysia.

12.0 PEMATUHAN DENGAN PERATURAN, AKTA DAN UNDANG-UNDANG

Datuk Bandar berhak menerima atau menolak, keseluruhan atau sebahagian, paling rendah atau mana-mana sebut harga.

13.0 LARANGAN RASUAH

Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

SPESIFIKASI TEKNIKAL

PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MBSJ.KUB.400-5/6/762

SPESIFIKASI TEKNIKAL

PERKARA	SPESIFIKASI	CATATAN
JENIS	<i>BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN</i>	
Pembekal hendaklah mengemukakan katalog teknikal dan jadual pematuhan yang membuktikan setiap spesifikasi yang ditawarkan adalah setara atau lebih baik daripada spesifikasi minimum yang ditetapkan. Sila nyatakan spesifikasi mesin tersebut di ruangan catatan		
SPESIFIKASI MINIMUM		
JENIS	<i>BACKHOE LOADER AIR-CONDITIONED CABIN</i> atau yang setaraf dengannya	Mesin hendaklah baharu, belum pernah digunakan dan sesuai untuk kerja tanah serta penggalian.
KUASA ENJIN DAN HIDRAULIK		
KUASA ENJIN DAN HIDRAULIK	KUASA ENJIN (ENGINE POWER) - Enjin diesel 4 silinder, penyejukan air (<i>water cooled</i>), bercas turbo dengan penyejuk selepas (<i>turbocharged aftercooler</i>). - Kuasa enjin minimum: 94 HP / 70 kW. HYDRAULIC CONTROL - Aliran Hidraulik (Hydraulic Flow): ≥ 120 L/min. - Sesuai untuk operasi loader dan backhoe secara berterusan.	Kuasa enjin yang mencukupi diperlukan bagi memastikan mesin mampu melaksanakan kerja penggalian tanah, pemindahan tanah dan operasi berterusan tanpa kehilangan prestasi yang ketara. Aliran hidraulik yang tinggi memberikan tindak balas dan pergerakan <i>boom</i>, <i>dipper</i> dan <i>bucket</i> yang lebih baik serta membolehkan kawalan penggalian yang lebih lancar.
KEUPAYAAN PENGGALIAN		
EXTENDAHOE / EXTENDIBLE DIPPER	- Mempunyai <i>Extendable Dipper</i> / <i>Telescopic Dipper</i> atau setara. - Kedalaman penggalian maksimum: $\geq 5,500$ mm.	Membolehkan kedalaman dan jarak capaian penggalian ditingkatkan serta memberi fleksibiliti untuk kerja penggalian yang memerlukan kedalaman tambahan.
KEDALAMAN PENGGALIAN	STANDARD DIGGING DEPTH: $\geq 4,250$ mm. MAXIMUM DIGGING DEPTH: $\geq 5,500$ mm dengan <i>extendable dipper</i> atau konfigurasi setara.	Kedalaman penggalian yang mencukupi diperlukan bagi melaksanakan kerja penggalian tanah dan lubang dengan lebih fleksibel. Pembekal hendaklah menyatakan nilai sebenar berdasarkan katalog pengeluar.

BACKHOE BREAKOUT FORCE	Minimum: ≥ 50 kN atau nilai setara yang disahkan oleh pengeluar.	Daya <i>breakout</i> yang tinggi membolehkan bucket menembusi, memecahkan dan mengangkat tanah dengan lebih berkesan, khususnya tanah yang padat atau keras.
BACKHOE BUCKET	- Lebar bucket penggalian: 450–600 mm. - Sesuai untuk kerja penggalian tanah.	Julat lebar ini sesuai untuk kerja penggalian yang memerlukan kawalan terhadap lebar dan bentuk lubang serta memudahkan kerja penggalian di kawasan yang terhad.
PRESTASI DAN MANEUVERABILITY		
OPERATING WEIGHT	Minimum: $\geq 7,300$ kg.	Berat operasi yang sesuai memberikan kestabilan semasa kerja penggalian, terutama ketika boom dan bucket digunakan pada jarak capaian yang tinggi.
LOADER BUCKET	Kapasiti minimum: ≥ 1.0 m³. <i>General Purpose Bucket</i> atau setara.	Kapasiti bucket yang mencukupi membolehkan tanah yang telah digali dipindahkan dan dimuatkan dengan lebih cepat serta meningkatkan produktiviti kerja.
4-WHEEL DRIVE (4WD)	- Sistem pacuan 4WD. - Hendaklah sesuai untuk operasi di atas tanah tidak berturap, lembut, basah dan tidak rata.	Memberikan cengkaman dan daya tarikan yang lebih baik ketika mesin beroperasi di kawasan tanah perkuburan dan permukaan yang tidak rata.
HYDRAULIC STABILIZER / OUTRIGGER	<i>Hydraulic stabilizer/outrigger</i> di bahagian belakang. - Hendaklah kukuh dan sesuai untuk operasi penggalian.	Memastikan kestabilan mesin semasa kerja penggalian dan mengurangkan pergerakan mesin apabila bucket menanggung beban.
TURNING RADIUS MANEUVERABILITY	- Pembekal hendaklah menyatakan minimum turning radius. - Dimensi keseluruhan, <i>wheelbase</i> dan <i>ground clearance</i> hendaklah dinyatakan.	Keupayaan mesin untuk bergerak, membelok dan membuat pusingan dengan mudah, terutama di kawasan yang sempit atau terhad Keupayaan (maneuverability) yang baik penting untuk operasi di kawasan yang mungkin mempunyai ruang kerja dan laluan yang terhad.
KESELAMATAN DAN OPERATOR		
ROPS/FOPS DAN AIR-CONDITIONED CABIN	- Kabin hendaklah mempunyai perlindungan ROPS/FOPS. ✓ ROPS – Roll-Over Protective Structure Struktur perlindungan yang direka untuk melindungi operator sekiranya mesin terbalik atau terguling.	Memberikan perlindungan dan keselesaan kepada operator terutama bagi operasi yang panjang dalam keadaan cuaca panas.

	✓ FOPS – Falling Object Protective Structure • Dilengkapi air-conditioning (wajib). • <i>Suspension seat</i> dan <i>seat belt</i>.	
SOKONGAN SELEPAS JUALAN		
WARANTI	• Minimum 12 bulan atau 2,000 jam operasi, mana-mana yang terdahulu. • Meliputi sekurang-kurangnya enjin, transmisi, sistem hidraulik, axle/drivetrain dan struktur utama. • Pembekal hendaklah menyatakan skop dan pengecualian waranti.	Memberikan perlindungan terhadap kecacatan pembuatan dan kegagalan komponen utama dalam tempoh waranti.
AFTER-SALES SERVICE / SOKONGAN TEKNIKAL	• Pembekal hendaklah mempunyai pusat/kemudahan servis di Malaysia. • Mempunyai juruteknik yang kompeten. • Menyediakan <i>preventive maintenance</i>, <i>field service</i> dan sokongan teknikal. • Pembekal hendaklah menyatakan tempoh tindak balas bagi aduan kerosakan.	Sokongan selepas jualan yang baik penting bagi memastikan mesin sentiasa beroperasi dan mengurangkan <i>downtime</i> .
KETERSEDIAAN ALAT GANTI	• Alat ganti utama hendaklah tersedia di Malaysia. • Pembekal hendaklah menyatakan anggaran <i>lead time</i> bagi alat ganti utama. • Alat ganti tulen atau yang diluluskan pengeluar hendaklah digunakan.	Ketersediaan alat ganti yang baik dapat mengurangkan tempoh mesin tidak beroperasi serta memastikan penyelenggaraan dapat dilakukan dengan segera.
AKSESORI		
Toolbox berkunci.	✓	
Pemadam api 2 kg (<i>ABC Dry Powder</i>).	✓	
<i>Beacon light</i>	✓	
Dua (2) unit segi tiga keselamatan (<i>reflective warning triangle</i>).	✓	
Jack hidraulik bersesuaian.	✓	
Set peralatan tangan asas untuk penyelenggaraan.	✓	
<i>Compliance</i>	▪ Kelulusan JPJ (VTA)- <i>Vehicle Type Approval</i> -Sijil Ujian Beban (<i>Load Test</i>) ▪ Manual operasi dan penyelenggaraan.	

LAIN-LAIN		
No. Plat Kenderaan – mengikut spesifikasi Majlis Termasuk kos pengurusan pertukaran nombor pendaftaran (interchange). Nombor pendaftaran Majlis telah tersedia. Pembekal bertanggungjawab menguruskan proses pertukaran nombor pendaftaran dengan JPJ, termasuk semua fi dan caj yang berkaitan.	√	
Pelekat badan kenderaan (<i>full body wrapping</i>) jenis <i>vinyl sticker</i> mengikut spesifikasi Majlis yang mematuhi piawaian JPJ/SPAD	√	
Pemeriksaan, kelulusan dan pensijilan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), PUSPAKOM, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan lain-lain agensi yang berkaitan termasuk Pengujian Kenderaan Baharu (JKR) sebelum penyerahan kepada pihak Majlis	√	
Jaminan: - Tempoh minimum 12 bulan atau 2,000 jam operasi (yang mana terdahulu) bermula dari tarikh penerimaan akhir oleh pihak Majlis Jaminan hendaklah meliputi sekurang-kurangnya: - Enjin. - Sistem hidraulik.	√	
Tempoh Bekalan: Tiga (3) Bulan	√	



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M

SOAL SELIDIK (AM)

PERKHIDMATAN MEMBEKAL SATU (1) UNIT JENTERA *BACKHOE LOADER* AIR-CONDITIONED CABIN ATAU YANG SETARAF DENGANNYA BESERTA AKSESORI BAGI KENDERAAN JABATAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MBSJ.KUB.400/5/6/762

SOAL SELIDIK

- Petender **WAJIB** mengisi maklumat di bahagian ini dengan jelas dan tepat.
- Kegagalan petender untuk mengikuti arahan sedemikian boleh menyebabkan penyertaan di dalam sebut harga ini **TIDAK DIPERTIMBANGKAN**

JADUAL A: SOAL SELIDIK (AM)

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Jenama dan model backhoe yang ditawarkan	
2	Negara asal pengilang.	
3	Tahun pembuatan.	
4	Adakah model yang ditawarkan masih dalam pengeluaran oleh pengilang	☐ Ya ☐ Tidak
5	Adakah jentera yang ditawarkan adalah baharu dan belum pernah digunakan?	☐ Ya ☐ Tidak
6	Adakah kataloq/brochure pengilang bagi model yang ditawarkan di lampirkan dalam Sebut Harga ini?	☐ Ya ☐ Tidak

JADUAL B: PENGALAMAN PEMBEKAL

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1	Berapakah tempoh pengalaman syarikat dalam membekalkan <i>Backhoe Loader</i> atau jentera berat yang berkaitan?	
2	Senaraikan sekurang-kurangnya tiga (3) pelanggan/agensi yang pernah menerima bekalan model atau jenama jentera yang sama/setara.	1..... 2..... 3.....
3	Pernah syarikat membekalkan <i>Backhoe Loader</i> kepada kepada agensi kerajaan/PBT/GLC?	Jika ya, sila nyatakan

JADUAL C: PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL.	PERKARA	KEPERLUAN MINIMUM MBSJ	SPESIFIKASI DITAWARKAN	RUJUKAN KATALOG / BROSUR
1	Kuasa Enjin	≥94 HP / 70 kW Euro 5	 HP / kW ☐ Ya ☐ Tidak	Muka surat:
2	<i>Hydraulic Flow</i>	≥120 L/min	 L/min	Muka surat:
3	<i>Standard Digging Depth</i>	≥4,250 mm	 mm	Muka surat:
4	<i>Maximum Digging Depth</i>	≥5,500 mm	 mm	Muka surat:
5	<i>Breakout Force</i>	≥50 kN	 kN	Muka surat:
6	<i>Backhoe Bucket</i>	450-600mm	 mm	Muka surat:
7	<i>Loader bucket capacity</i>	≥1.0 m ³	 m ³	Muka surat:
8	<i>Extendable Dipper / Extendahoe</i>	Hendaklah ditawarkan		Muka surat:
9	<i>4-Wheel Drive (4WD)</i>	Wajib	☐ Ya	Muka surat:
10	<i>Hydraulic Stabilizer / Outrigger</i>	Wajib	☐ Ya	Muka surat:
11	<i>ROPS/FOPS dan Airconditioned Cabin</i>	Wajib	☐ Ya	Muka surat:

JADUAL D: WARRANTY, AFTER SALES SERVICES DAN SPARE PARTS

WARANTI DAN SOKONGAN SELEPAS JUALAN		
1	Berapakah tempoh jaminan yang ditawarkan?	
2	Perkhidmatan selepas Jualan (<i>after sales services</i>)	1. Alamat pusat servis. 2. Bilangan Juruteknik 3. Tempoh Tindakbalas (<i>Response Time</i>)
3	Adakah jaminan termasuk perkhidmatan di lokasi (<i>field</i>) atau <i>Mobile Service</i>	☐ Ya ☐ Tidak
4	Adakah jaminan alat ganti utama tersedia?	☐ Ya ☐ Tidak
5	Adakah Jadual servis dan penyelenggaraan berkala disediakan? <i>Preventive Maintenance</i>	☐ Ya ☐ Tidak
6	Tempoh respons sekiranya berlaku kerosakan	
LATIHAN DAN PENTAULIAHAN		
7	Adakah latihan pengendalian disediakan?	☐ Ya ☐ Tidak
8	Tempoh masa latihan yang dicadangkan.	
9	Adakah manual operasi disediakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris?	☐ Ya ☐ Tidak
10	Adakah ujian penerimaan (<i>testing & commissioning</i>) akan dijalankan?	☐ Ya ☐ Tidak

PENGHANTARAN		
11	Tempoh penghantaran paling cepat yang ditawarkan oleh syarikat (selepas Pesanan Kerajaan dikeluarkan).	
12	Adakah pemasangan termasuk dalam harga? (<i>installation on towing hook, signal and brake lamp</i>)	☐ Ya ☐ Tidak
13	Adakah ujian fungsi akan dijalankan semasa penghantaran?	☐ Ya ☐ Tidak

Sekiranya dalam tempoh pelaksanaan kontrak berlaku pertukaran lokasi bengkel/pusat servis syarikat, maka segala kos yang terlibat termasuk kos penghantaran, pengambilan dan perjalanan bagi melaksanakan 'warranty service' untuk jentera yang ditawarkan ini adalah ditanggung oleh pihak syarikat.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cap Syarikat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN N

MAKLUMAT PETENDER